

KONSEP DAN HAK JIRAN DI DALAM AL-QURAN DAN AL-SUNNAH: SATU KAJIAN

1072

HAMZAH BIN OMAR
MUHAMMAD FAIZ MUKMIN BIN ABDUL MUTALLIB
MOHD HASBIE AL-SHIDDIEQUE BIN AHMAD
SITI RABIAHNOR BINTI MAHRUF
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Jiran adalah mereka yang tinggal bersama kita dalam satu penempatan. Jiran adalah lambing kepada kehidupan bermasyarakat manusia yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kebelakangan ini, konsep jiran semakin dilupakan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif kepustakaan untuk melihat konsep, tingkatan dan hak jiran serta ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang menyeru kepada berbuat baik sesama jiran. Dapatan kajian ini mendapati banyak ayat-ayat dan hadis-hadis yang menganjurkan berbuat baik sesama jiran. Diharap kajian ini dapat memberi nafas baru kepada kajian berkenaan hak-hak sosial setempat terutama yang melibatkan hak dan tanggungjawab kepada masyarakat.

Kata kunci: Konsep, Hak, Jiran, al-Quran, al-Sunnah.

1. PENDAHULUAN

Kebelakangan ini amalan hidup berjiran seperti saling bertegur sapa, saling bantu membantu antara satu sama lain dan saling bertukar makanan sudah semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini berlaku disebabkan masyarakat sekarang hanya mengambil tahu hal masing-masing tanpa mengambil berat dan peduli tentang hubungan sesama jiran tetangga (Nurul Idayu, 2017).

Oleh yang demikian, kajian berkenaan konsep kejiranan dan muamalah sesama jiran tetangga yang dianjurkan dalam al-Quran dan al-Sunah amat perlu dilakukan. Ini dapat memberi impak dan kesedaran kepada masyarakat berkenaan konsep kejiranan yang sebenar dan apakah rahsia di sebalik anjuran al-Quran dan al-Sunnah untuk berbuat baik sesama jiran tetangga.

Kajian kualitatif kepustakaan ini memberi fokus kepada konsep kejiranan dalam Islam, hak-hak jiran serta tingkatannya dan ayat al-Quran dan al-Sunnah yang menganjurkan berbuat baik sesama jiran.

2. KONSEP KEJIRANAN

Jiran mencakupi kepada semua orang Muslim dan kafir, orang taat beribadah dan orang fasik, teman atau musuh, orang asing dan pribumi, orang baik dan orang jahat, saudara dan bukan saudara, yang paling berdekatan rumahnya dan yang berjauhan. Samada yang tinggal di atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang yang mencapai 40 buah rumah (Ibnu Hajar Al-Asqalani, 2010, Imam Al-Ghazali, 2009). Ini sesuai dengan hadis Rasulullah S.A.W dari Abu Daud yang bermaksud:

“Empat puluh buah rumah tetap sebagai jiran tetangga.

(Riwayat Abu Daud)

Kejiranan bererti suasana atau perhubungan yang positif dalam sesebuah kawasan, saling melindungi dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain (Persatuan Penduduk Jentayu, 2011).

Jiran adalah mereka yang duduk dalam penempatan yang sama dengan penempatan kita. Islam amat memelihara hak sesama manusia serta memandu manusia untuk mencapai keharmonian dan kebahagiaan di dunia dan akhirat turut memasukkan aspek-aspek penting yang memandu hubungan kejiranan supaya manusia dapat hidup dalam keadaan aman dan selesa serta mendapat kebahagiaan.

3. KATEGORI JIRAN

Islam mengangkat peranan jiran dalam kehidupan bermasyarakat malah sumbangan bakti jiran sangat penting kepada kehidupan manusia.

Firman Allah s.w.t

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ وَبِذِي
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ
وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ﴾

Maksudnya:

Sembahlah Allah dan janganlah kamu mensekutukannya dengan sesuatupun dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, sanak saudara, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran dekat dan jiran jauh.

(Surah an-Nisa : 36)

Allah s.w.t menggabungkan antara perintah beribadah kepada-Nya dan perintah berbuat baik pada makhluk-Nya. Oleh sebab itu diperintahkan untuk berbuat baik kepada jiran, baik muslim ataupun kafir, saudara dekat ataupun jauh, bersebelahan ataupun berjauhan. Namun demikian, jiran yang masih ada hubungan saudara, haknya lebih jelas daripada jiran yang bukan saudara, hak jiran yang muslim lebih agung daripada jiran yang kafir dan yang bersebelahan haknya didahulukan daripada jiran yang jauh. (Fauzan., 2011).

Dapat disimpulkan bahawa jiran mempunyai tiga tingkatan:

- i. Jiran yang memiliki tiga hak, iaitu jiran yang muslim yang dekat. Mereka ini memiliki hak berjiran, hak islam dan hak saudara.
- ii. Jiran yang memiliki dua hak, iaitu jiran yang muslim, iaitu jiran yang memiliki hak berjiran dan hak islam.
- iii. Jiran yang memiliki satu hak, iaitu jiran yang kafir. Mereka memiliki hak berjiran sahaja.

4. TINGKATAN HAK TERHADAP JIRAN

Jiran mempuntai hak terhadap jirannya yang lain. Ini adalah tuntutan hidup bermasyarakat dan berjiran dalam satu penempatan. Hak jiran terbahagi kepada tiga:

- 1) yang paling rendah ialah mencegah diri agar tidak menyakiti,
- 2) bersabar jika disakiti, sedang yang paling tinggi,
- 3) menghormati dan berbuat baik kepadanya. (Fauzan, 2011)

Allah s.w.t berfirman:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا كَتَبْنَا لَهُمْ فَعَدَا جَنَابُ اللَّهِ
بُهْتَنَ ۚ وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا كَتَبْنَا لَهُمْ فَعَدَا جَنَابُ اللَّهِ ۚ
بُهْتَنَ ۚ ۱ ۚ وَإِثْمَ ۚ ۱ ۚ مُبِينٌ ۚ ۱ ۚ ۵۸

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang mukmin dan mukminat tanpa kesalahan yang mereka perbuat maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata”.

(Al-Ahzab: 58)

5. ANJURAN BERBUAT BAIK KEPADA JIRAN.

Banyak ayat al-Quran dan Hadis yang menyeru kepada berbuat baik sesama manusia terutama jiran. Berikut disenaraikan ayat al-Quran dan Hadis berkaitan anjuran berbuat baik kepada jiran.

Firman Allah s.w.t :

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ وَبِذِي
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ
وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَأَلِيمٌ
بِطَوَّابِ ۚ ۱ ۚ فَخُورًا ۚ ۳۶﴾

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan jangan kamu mempersekutunya dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu-bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri”.

An- Nisa'(4):36

Firman Allah s.w.t :

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۙ﴾ ٩٠

Maksudnya:

“*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang daripada perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman dan pemberontakan. Ia mengajar kamu supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.*

an-Nahl (16) : 90

Firman Allah s.w.t :

﴿لَئِن لَّمْ يَنْتَهِ الْمُؤَفَّفُونَ وَالْأَذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ ۖ وَالْمُرْجِفُونَ فِي
الْمَدِينَةِ لَنُغْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَا إِلَّا قَلِيلٌ ۚ﴾ ٦٠ ا

Maksudnya:

“*Sesungguhnya jika orang munafik, orang yang berpenyakit dalam hatinya dan orang yang menyebarkan khabar bohong di Madinah tidak berhenti (dari menyakitimu), nescaya kami perintahkan engkau (untuk memerangi) mereka, kemudian mereka tidak lagi menjadi tetanggamu (dimadinah) melainkan sebentar sahaja”.*

al-Ahzab (33) : 60

Sabda Rasulullah s.a.w:

لا يدخل الجنة من لا يؤمن جاره بوائقه

Maksudnya:

“*Tidak akan masuk syurga orang yang tetangganya tidak merasa aman dari kejahatannya”.*

(Hadith Riwayat Muslim)

Sabda Rasulullah s.a.w:

من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذي جاره. ومن كان يؤمن بالله واليوم
الآخر فاليكرم ضيفه ومن كان يؤمن بالله مال يوم الآخر فليقل حيرا او ليسكت

Maksudnya:

“*Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka dia tidak boleh menyakiti/menyusahkan tetangganya dan siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya, dan siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah dia berkata baik atau diam sahaja”.*

Hadith Riwayat Muslim

Sabda Rasulullah s.a.w:

والله لا يؤمن، والله لا يؤمن قيل: من يا رسول الله؟ قال: الذي لا يأمن جاره
بوائقه. (رواه أحمد والبخاري ومسلم وزاد أحمد. قالوا: يا رسول الله وما بوائقه؟
قال: شره)

Maksudnya:

“Demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman (tidak sempurna imannya yang menyelamatkannya dari neraka). Ada sahabat yang bertanya, “Siapakah wahai Rasulullah?” Baginda bersabda, “Iaitu orang dari kejahatannya.” (Muttafaq Alaih, Imam Bukhari, Imam Muslim, dan Imam Ahmad. Imam Ahmad menambahkan, mereka bertanya, “Apakah keburukannya itu wahai Rasul?” Baginda menjawab, “syurruhu kejahatannya).

(Riwayat Bukhari & Muslim)

6. KESIMPULAN

Berdasarkan pada kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa, Islam sangat menganjurkan berbuat baik sesama jiran. Al-Quran dan al-Sunnah mengajar manusia untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Ini adalah ciri utama ajaran Islam yang syumul dan kaffah mencakupi setiap aspek kehidupan.

BIBLIOGRAFI

- Fauzan., D. S. (2011). *Adab Seorang Muslim dengan Masyarakat (terjemahan)*. Jasmin Enterprise Sdn. Bhd.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani. (2010). *Fathul Bari Syarah Shahih Bukhari (terjemahan: Abu Ihsan Al-Atsari)*. Yogyakarta: Pustaka Imam Asy-Syafii.
- Imam Al-Ghazali. (2009). *Ihya Ulumuddin: terjemahan*. Shah Alam: Penerbit Illusion Network Sdn. Bhd.
- Nurul Idayu, M. N. (2017, Ogos 18). Semangat Kejiranan Semakin Luntur. *Utusan Online*.
- Persatuan Penduduk Jentayu. (2011). E-Buletin. *E-Buletin Persatuan Penduduk*.